

29/08/1997

Tindakan PM tangani ringgit harus disokong

KUANTAN, Khamis - Rakyat di negara ini perlu yakin dan menyokong tindakan serta kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika menangani masalah kejatuhan nilai ringgit berikutan serangan spekulatif yang dilakukan ahli kewangan Amerika Syarikat, George Soros.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata Perdana Menteri akan berusaha melindungi dan menstabilkan nilai ringgit bagi memelihara kekukuhan ekonomi negara.

Beliau berkata, kerajaan juga menggesa rakyat supaya mengurangkan pergantungan terhadap barangan import, sebaliknya mereka digalak membeli lebih banyak barangan tempatan.

"Rakyat perlu yakin dengan kepemimpinan kerajaan khasnya Perdana Menteri dalam usaha menangani masalah serangan Soros terhadap mata wang negara anggota Asean, termasuk nilai ringgit Malaysia yang menyebabkan keadaan ekonomi negara terjejas.

"Selain itu, semua rakyat digalak membeli lebih banyak barangan tempatan bagi membantu mengukuhkan ekonomi kita," katanya selepas meraikan 51 anak yatim sempena sambutan hari jadinya yang ke-51 di sini, hari ini.

Dr Mahathir sebelum ini berkata, kerajaan mempunyai bukti jelas bahawa tekanan terhadap ringgit dan mata wang Asean lain berpunca daripada Soros.

Perdana Menteri menyifatkan Soros sebagai penjenayah kerana kejatuhan nilai mata wang itu menyebabkan rakyat di rantau ini, termasuk Malaysia, menderita menanggung kos yang tinggi berikutan terpaksa membayar lebih untuk mengimport barangan.

(END)